

0558

B B310 BAH
MAHATHIR - PEMIMPIN

SEREMBAN, 2 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MAHKAMAH BUKANNYA TEMPAT MENENTUKAN PEMIMPIN PARTI KERANA PEMIMPIN DIPILIH OLEH ANGGOTA PARTI ATAS DASAR KEPERCAYAAN DAN SOKONGAN RAMAI.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, PEMIMPIN DALAM ORGANISASI POLITIK YANG DEMOKRASI ADALAH YANG DISOKONG RAMAI DAN BUKANNYA +DITUNJUKKAN OLEH MAHKAMAH+ ATAU SESIAPA.

+KALAU MAHKAMAH MENENTUKAN PEMIMPIN, TIDAK PERLULAH ADA PEMILIHAN PARTI,+ KATA BELIAU SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS PERJUMPAAN KHAS DENGAN PARA PEMIMPIN UMNO DI GELANGGANG BUDAYA DI PAROI DEKAT SINI HARI INI.

SAMBIL MERUJUK KEPADA TINDAKAN +KUMPULAN 11+ MEMBAWA MASALAH PARTI KE MAHKAMAH, BELIAU BERKATA KEPUTUSAN MAHKAMAH (MENGENAI PARTI) MENGHARAMKAN UMNO TIDAK MENGAMBIL KIRA KEPENTINGAN PERJUANGAN ORANG-ORANG MELAYU, DAN IA HANYA BERPEGANG KEPADA UNDANG-UNDANG.

MAHKAMAH SEPATUTNYA BERPEGANG KEPADA UNDANG-UNDANG DAN BUKAN PERKARA LAIN.

+KALAU MAHKAMAH TENTUKAN PEMIMPIN TETAPI KITA TIDAK PERCAYA KEPADA PEMIMPIN ITU, DIA TIDAK JUGA AKAN JADI PEMIMPIN,+ TEGAS BELIAU. -- LAGI

2035MST 02 07 88

B B311 BAH
MAHATHIR - PEMIMPIN 2 SEREMBAN

PERDANA MENTERI SETERUSNYA BERKATA, ORANG MELAYU MENYERTAI UMNO SEBAB PERCAYA UMNO BOLEH MEMPERJUANGKAN DAN MENENTUKAN NASIB MEREKA PADA MASA AKAN DATANG, BUKANLAH BERDASARKAN SIAPAKAH PEMIMPIN PARTI.

+KALAU MACAM ITU (BERDASARKAN SIAPAKAH PEMIMPIN) MENJADI SEBAB KITA MENYERTAI PARTI, BILA PEMIMPIN MATI MAKA MATILAH PARTI,+ TAMBAHNYA.

BELIAU JUGA BERKATA DALAM PEMILIHAN PARTI, JIKA PIHAK YANG KALAH MENGASINGKAN DIRI, PARTI AKAN MENJADI LEBIH KECIL PADA SETIAP KALI PEMILIHAN SEHINGGA AKHIRNYA IA AKAN HILANG SAMA SEKALI.

+JIKA HENDAK MENGEKALKAN SEBUAH PARTI, PENTINGLAH PIHAK YANG MENANG DISOKONG JUGA OLEH PIHAK YANG KALAH. KITA RAPATKAN SEMULA BARISAN KITA,+ KATANYA.

BELIAU JUGA BERKATA UMNO DIBENTUK DENGAN MEMBAWA HASRAT, NIAT, TUJUAN DAN DASAR YANG SAMA DENGAN UMNO ASAL DAN OLEH ITU IA ADALAH +PARTI YANG SAMA+. -- LAGI

2037MST 02 07 88

B B312 BAH
MAHATHIR - PEMIMPIN 3 SEREMBAN

OLEH ITU, KATANYA, KITA MAHU UMNO MENJADI KUAT, GAGAH DAN DISOKONG OLEH ORANG RAMAI.

+DENGAN ITU KITA DAPAT BERGERAK CERGAS, DAN SUARA KITA DIHORMATI DAN KITA AKAN MENDAPAT CAPAI MATLAMAT-MATLAMAT KITA,+ KATANYA.

BELIAU MAHU ANGGOTA JAWATANKUASA UMNO PERINGKAT BAHAGIAN DAN CAWANGAN BERGERAK DENGAN LEBIH GIAT DALAM USAHA MENDAFTARKAN ANGGOTA.

PERDANA MENTERI MAHUKAN SEBERAPA RAMAI ANGGOTA PARTI MENGHADIRI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO NANTI UNTUK MEMPAMERKAN SEMANGAT PERPADUAN ORANG-ORANG MELAYU. --BERNAMA

2038MST 02 07 88